

IQRA'

Bil. 2/2022

FEBRUARI

eISBN : 2735-1920



Bengkel Kajian Semula Perancangan Strategik

PTAR Shah Alam - muka 5



Taklimat Perkhidmatan Perpustakaan Digital Bersama Koordinator Program Francais

PTAR Shah Alam - muka 10



Majlis Apresiasi Staf PTAR UiTM Cawangan Selangor

PTAR Puncak Alam - muka 11



Program CSR Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus K. Terengganu Di SMK Sultan Omar, Dungun

PTAR Dungun - muka 18



Kunjungan Hormat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2021/2022 Ke PTAR Kampus Seri Iskandar

PTAR Seri Iskandar - muka 21

PROMOSI@PTAR



Disediakan oleh: Hazrul Amir Tomyang



Pada 4 Februari 2022, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Selangor telah mengadakan Majlis Apresiasi Staf PTAR UiTM Cawangan Selangor 2021. Program ini adalah anjuran bersama Kelab Kebajikan Staf PTAR UiTM Cawangan Selangor. Objektif penganjuran majlis ini adalah menghargai pencapaian dan penglibatan staf PTAR UiTM Cawangan Selangor dalam perkhidmatan, meningkatkan semangat dan motivasi kepada para staf untuk memperbaiki pencapaian dan penglibatan mereka pada masa akan hadapan serta menyemarakkan hubungan silaturrahim antara para staf.

Staf yang menghadiri majlis tersebut meliputi staf daripada Kampus Puncak Alam, Kompleks Alam Bina, Kampus Puncak Perdana, Kampus Sungai Buloh dan Kampus Dengkil. Majlis tersebut dirasmikan oleh Yang Berbahagia Ts. Mohamad Hamidi Mohd Jais – Ketua Timbalan Pustakawan merangkap penaung Kelab Kebajikan Staf PTAR UCS. Persembahan nyanyian daripada bakat staf turut ditampilkan dalam majlis ini.

Dalam majlis tersebut, pelbagai anugerah telah disampaikan. Seramai 19 orang penerima Anugerah Staf Yang Telah Berkhidmat Melebihi 15, 20, 25 dan 35 tahun. Selain itu, terdapat anugerah-anugerah lain yang telah disampaikan, antaranya Anugerah Staf Berpotensi, Anugerah Staf Kreatif dan Inovatif dan Anugerah Pentadbir Terbilang.

Majlis ini dapat dijalankan dengan lancar dan telah mencapai objektif yang dinyatakan. Kerjasama daripada setiap ahli jawatankuasa dalam memastikan majlis ini berjalan amat dihargai.

